

# Pematuhan terhadap hak asasi manusia dan kewajipan usaha wajar alam sekitar oleh Kumpulan B. Braun

Kumpulan B.Braun komited dengan tanggungjawabnya untuk menegakkan dan menggalakkan hak asasi manusia serta kewajipan terhadap masyarakat untuk memelihara alam sekitar yang tidak terjejas.

Sepanjang perjalanan aktiviti perniagaan kami, kami menghormati piawaian antarabangsa, khususnya piawaian buruh utama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang berkenaan dan oleh itu, komited dalam mematuhi prinsip (keutamaan) berikut demi melindungi hak asasi manusia dan alam sekitar:

**Larangan pekerja kanak-kanak bawah umur** had umur minimum yang dibenarkan apabila pendidikan wajib tamat, di bawah undang-undang tempatan pekerjaan, dengan syarat umur bekerja mestilah tidak kurang daripada 15 tahun. Mungkin terdapat pengecualian jika undang-undang tempatan pekerjaan memperuntukkan pengecualian yang berkaitan dengan had umur minimum untuk diambil bekerja (iaitu perantisan).

**Larangan mengambil bekerja orang yang dikategorikan sebagai buruh paksa:** ini termasuk sebarang pekerjaan atau perkhidmatan yang dilakukan oleh orang yang diancam dengan hukuman dan mereka tidak bekerja secara sukarela, contohnya kerana terikat dengan hutang atau pemerdagangan manusia.

**Larangan semua bentuk perhambaan:** ini termasuk semua jenis amalan yang menyerupai perhambaan, perhambaan atau bentuk penguasaan atau penindasan lain di tempat kerja, seperti eksploitasi seksual dan degradasi ekonomi yang melampau.

**Larangan layanan secara tidak adil dalam pekerjaan,** contohnya atas sebab-sebab kewarganegaraan, asal-usul etnik, sosial, status kesihatan, ketidakupayaan mental dan fizikal, jantina, orientasi seksual, umur, fahaman politik, agama atau kepercayaan, melainkan perkara ini berlandaskan keperluan pekerjaan; perbezaan layanan termasuk secara khususnya bayaran gaji yang tidak adil untuk pekerjaan yang sama nilainya.

**Larangan menahan gaji yang cukup:** gaji yang munasabah ialah sekurang-kurangnya gaji minimum yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkenaan dan dikira mengikut peraturan tempatan pekerjaan.

**Larangan ketidakpatuhan terhadap kewajipan kesihatan dan keselamatan di bawah undang-undang tempatan pekerjaan** yang mewujudkan risiko kemalangan di tempat kerja atau bahaya kesihatan yang berkaitan dengan pekerjaan, khususnya disebabkan oleh piawaian keselamatan yang secara jelas tidak mencukupi, kekurangan langkah-langkah perlindungan yang wajar, kekurangan langkah-langkah untuk mencegah keletihan fizikal dan mental yang melampau (contohnya waktu bekerja yang melebihi had), serta latihan dan bimbingan pekerja yang tidak mencukupi.

**Larangan mengabaikan kebebasan untuk berhimpun dan berpersatuan,** mengikut prinsip ini, pekerja boleh bebas bergabung dengan atau menyertai kesatuan sekerja. Membentuk, menyertai dan menjadi ahli kesatuan sekerja tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk mengamalkan diskriminasi yang tidak adil atau membuat tindakan balas. Kesatuan sekerja dibenarkan untuk bertemu secara bebas dan mengikut undang-undang tempatan pekerjaan (ini termasuk hak untuk mengadakan mogok dan rundingan kolektif).

**Larangan pencemaran alam sekitar,** seperti menyebabkan perubahan tanah, pencemaran air, pencemaran udara, pelepasan bunyi yang berbahaya atau penggunaan air berlebihan yang secara ketara menjelaskan atas semula jadi untuk memelihara dan menyediakan makanan, menafikan akses seseorang kepada air minuman yang selamat, menghalang atau menghapuskan akses seseorang kepada kemudahan kebersihan atau membahayakan kesihatan seseorang.

**Larangan pengusiran:** larangan pengusiran yang menyalahi undang-undang dan larangan rampasan tanah, hutan serta perairan yang menyalahi undang-undang ketika memperoleh, membangunkan atau menggunakan tanah, hutan dan perairan sekiranya penggunaan tersebut melindungi kehidupan seorang.



### Pelaksanaan

Pengisytiharan ini menetapkan syarat rangka kerja yang mengikat aktiviti kami di seluruh dunia dan terpakai ke atas unit perniagaan kumpulan B.Braun sendiri serta rantaian bekalan kami di seluruh dunia.

Semua syarikat kumpulan B.Braun diwajibkan mengeluarkan peraturan minimum yang mengikat untuk melabur dalam kelestarian secara berterusan, selaras dengan keharmonian manusia dan alam sekitar pada masa hadapan. Pernyataan pengisytiharan ini boleh ditambah dengan arahan lain di peringkat syarikat atau negara.

Pengurusan risiko kumpulan B. Braun yang lengkap membantu mengenal pasti, merekod, menilai, memantau dan mengurus hak asasi manusia dan risiko alam sekitar yang mungkin timbul dalam kawasan perniagaan masing-masing dan dalam rantaian bekalan global.

### Struktur dan tanggungjawab

Pihak Lembaga Pengurusan B.Braun SE bertanggungjawab untuk mematuhi hak asasi manusia dan kewajipan usaha wajar alam sekitar kumpulan B.Braun. Dalam skop pematuhan undang-undang hak asasi manusia dan alam sekitar, Pejabat Pematuhan Kumpulan memantau pengurusan risiko sewajarnya dan secara berkesan untuk mematuhi kewajipan usaha wajar. Tanggungjawab diutamakan secara khusus bagi proses perniagaan berkaitan untuk memantau pematuhan kewajipan usaha wajar.

*B. Braun SE*